



**Pankaj (kiri)** bersama Faridul, MacGuill (gambar kecil atas) dan David Luna (gambar kecil bawah) Forum NST175 Insight bertajuk 'Pasaran Rokok Seludup: Pandangan Multinasional', baru-baru ini.

# Pasaran rokok seludup Malaysia terbesar di dunia

**Penguatkuasaan sahaja tidak akan mampu menyelesaikan masalah itu**

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia sekali lagi menjadi tajuk berita global apabila firma peneraju kajian strategik pasaran, Euromonitor International meletakkan pasaran rokok seludup dan penjualan yang berleluasa di negara ini sebagai terbesar di dunia.

Ketua Kanan Penyelidikan Tembakau Euromonitor International, Shane MacGuill, berkata hampir 65 peratus atau dua pertiga daripada keseluruhan pasaran tembakau di Malaysia adalah rokok tidak sah pada 2019.

Beliau berkata, daripada ratusan pasaran yang diteliti Euromonitor International di seluruh dunia, hanya 10 pasaran tembakau memiliki tahap perdagangan rokok seludup melebihi 30 peratus dan daripada jumlah itu, Malaysia adalah negara yang tertinggi dan kelapan terbesar di dunia dari segi jumlah rokok seludup.

"Tiada pasaran lain yang dapat menyaingi atau mengahampiri Malaysia, kerana pasaran rokok seludup terbesar seterusnya ialah Brazil yang kami anggar kira-kira 50 peratus da-

ripada pasaran.

"Dari segi mana sekali pun kita bahagikan carta atau statistik, adalah jelas wujud isu sangat besar di dalam pasaran tembakau Malaysia," katanya pada sesi perbincangan panel kelolaan *New Straits Times* (NST) di sini, semalam.

MacGuill adalah antara tiga ahli panel multinasional pada Forum NST175 Insight bertajuk 'Pasaran Rokok Seludup: Pandangan Multinasional', yang dihoskan Pengarang Berita Kanan NST, Faridul Anwar.

Dua lagi ahli panel ialah bekas Diplomat Amerika Syarikat, David Luna dan penganalisis ekonomi yang juga kolumnis akhbar berpengaruh, Pankaj Kumar.

Luna juga adalah bekas Pengerusi Pasukan Petugas Bagi Menangani Dagangan Haram di OECD (Organisasi Bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan),

**“Dari segi mana sekali pun kita bahagikan carta atau statistik, adalah jelas wujud isu sangat besar di dalam pasaran tembakau Malaysia.”**

**Shane MacGuill,**  
Ketua Kanan Penyelidikan Tembakau Euromonitor International

yang pakar dalam jenayah kumpulan jenayah rentas sempadan, rasuah, pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

Mengulas mengenai masalah akut pasaran rokok seludup Malaysia, Luna berkata, isu itu menyebabkan bahaya besar apabila ia mula berkait dengan jenayah lain, sama ada penyeludupan manusia, narkotik atau hidupan liar yang turut dilakukan kumpulan jenayah terancang.

"Pasaran rokok seludup bukan saja menyebabkan kerajaan kehilangan hasil yang tinggi, tetapi juga menjejaskan kestabilan kepada pasaran (ekonomi) dan institusi kerajaan.

"Ia amat membimbangkan untuk melihat tahap penebusan jenayah sebegitu tinggi di Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, Luna percaya, pasaran rokok seludup Malaysia turut membahayakan negara ASEAN serta ekonomi Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

"Beberapa laporan menunjukkan sindiket jenayah Malaysia kini menerobos masuk ke pasaran Australia dan New Zealand kerana perbezaan harga (rokok).

"Disebabkan Malaysia kini berperanan sebagai penerusi dan tuan rumah APEC tahun ini, kerajaan Malaysia harus mengambil peranan peneraju untuk memulakan kerjasama melangkaui sempadan bagi menangani masalah multinasional ini," katanya.

Dari segi penyelesaian, semua anggota panel bersependapat ba-



**Pegawai Kastam menjalankan pemeriksaan terhadap penghantar makanan bagi mengesok aktiviti penyeludupan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac lalu.**



**Pasukan Polis Marin merampas 566 karton rokok seludup di sebuah rumah kedai di Bekenu, Miri, Sarawak.**

hawa aspek penguatkuasaan sahaja tidak memadai untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Pankaj berkata, pegawai penguatkuasaan Malaysia sudah menunjukkan mereka memang berkebolehan dan berupaya menangkap penyeludup dan membawa mereka ke muka pengadilan. Namun, ia bukan sekadar mengenai penyeludup, tetapi keseluruhan rantaian nilai rokok tidak sah.

"Soal mampu dibeli adalah satu isu. Selepas kerajaan menaikkan duti eksais dengan begitu tinggi pada 2015, harga rokok sah meningkat sebanyak 40 peratus kepada 42 peratus.

"Hari ini, kelompok perokok tertumpu kepada segmen berpendapatan rendah di dalam masyarakat, termasuk yang berpendapatan gaji minimum.

"Jika mereka merokok rokok sah pada purata 20 kotak sebulan, ia adalah antara 15 hingga 16 pe-

ratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan mereka. Kos itu terlalu tinggi dan alternatif lebih murah tersedia ada," katanya.

MacGuill bersetuju bahawa segmen berpendapatan rendah adalah mereka yang merokok dan juga pengguna produk pasaran gelap.

"Kita sekarang menyaksikan peningkatan sangat besar di dalam perdagangan rokok seludup pada tahun mendatang disebabkan impak ekonomi oleh COVID-19.

"Cara penyelesaian berbeza perlu diambil pada satu-satu masa, berbanding sekadar melihat kepada isu cukai atau penguatkuasaan secara berasingan," katanya.

Forum NST175 Insight Mengenai Pasaran Rokok Seludup – Perspektif Multinasional boleh didapati di NST Online [www.nst.com.my](http://www.nst.com.my) atau Facebook [www.facebook.com/nstonline](https://www.facebook.com/nstonline).